

Kes tunggakan cukai pendapatan Najib, anak

Badan Peguam dibenar jadi sahabat mahkamah

BH - 30/10/2021 m/s: 28

Tindakan pantau rayuan bekas PM, anak babitkan tunggakan cukai RM1.69b, RM37.6b

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonan Badan Peguam untuk menjadi *amicus curiae* (sahabat mahkamah) dalam prosiding kebenaran merayu membabitkan kes tunggakan cukai pendapatan, Datuk Seri Najib Razak dan anaknya, Datuk Mohd Nazifuddin di Mahkamah Persekutuan.

Peguam mewakili Najib dan

Nazifuddin, Wee Yeong Kang, yang mengesahkan perkara itu ketika dihubungi, berkata mahkamah membenarkan permohonan badan berkenaan pada 21 Oktober lalu.

Pada prosiding pengurusan kes di Mahkamah Persekutuan secara dalam talian semalam, Yeong Kang berkata, Timbalan Pendaftar Rasidah Roslee menetapkan 16 Februari tahun depan bagi pendengaran permohonan kebenaran merayu dikemukakan kedua-dua pemohon.

Melalui surat bertarikh 13 Oktober lalu yang dihantar kepada Mahkamah Persekutuan, Badan Peguam turut memohon untuk mengikuti prosiding rayuan substantif jika mahkamah itu membenarkan Najib

dan anaknya merayu keputusan Mahkamah Rayuan.

Najib dan Mohd Nazifuddin, memfailkan notis usul bagi memperoleh kebenaran merayu keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak rayuan mereka mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi, berhubung pembayaran cukai berkenaan.

Badan Peguam memohon mengikuti prosiding berkenaan dengan alasan permohonan kebenaran difailkan Najib dan anaknya untuk merayu bagi mencabar ke- sahahan Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, menimbulkan soalan perundangan dan Perlembagaan yang unik dan penting serta kepentingan awam.

Ini membabitkan persoalan an-

taranya sama ada Seksyen 106(3) akta berkenaan bertentangan dengan Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan dan sama ada seksyen tersebut tidak berperlembagaan serta merampas kuasa kehakiman mahkamah yang dijamin oleh Artikel 121 Perlembagaan.

Badan berkenaan memohon mahkamah menerima peguamnya sebagai *amicus curiae* untuk membentangkan hujahan, pandangan dan perspektif, bagi membantu mahkamah untuk mencapai keputusan yang sewajarnya.

Pada 9 September lalu, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan permohonan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mendapatkan penghakiman terus bagi menuntut tunggakan cukai RM1.69 bilion daripada Najib dan RM37.6 juta daripada Mohd Nazifuddin.



Najib Razak